

Revolusi seksual: penelitian terhadap laporan penyelidikan Alfred C. Kinsey, penginstitutionan dan kesannya kepada fahaman seksualiti masyarakat barat

ABSTRAK

Kehadiran data penyelidikan saintifik yang dilakukan oleh Alfred C. Kinsey tentang seksualiti manusia ini dianggap penting lantaran kebanyakan aspek yang lahir daripada kajian ini dikatakan memberi kesan yang signifikan terhadap fahaman dan amalan seksualiti masyarakat Barat. Justeru, perubahan fahaman dan amalan seksualiti Barat daripada yang bersifat konservatif kepada yang bercorak permisif ini turut ditanggapi oleh beberapa pihak sebagai satu hasil yang lahir daripada proses binaan sosial. Hakikat ini juga banyak mengambil kira proses penginstitutionan yang rata-rata dilakukan oleh beberapa buah organisasi sosial dan akademik dalam usaha memperagakan fahaman serta amalan seksualiti baru bagi masyarakat Barat yang permisif. Bertolak daripada kesignifikanan data saintifik tentang perlakuan manusia yang diterbitkan oleh Kinsey ini, makalah ini akan meneliti proses penginstitutionan yang dikatakan dilakukan terhadap data-data tersebut serta mengamati kesannya terhadap fahaman seksualiti Barat.

Keyword: Sexual beliefs and practice; Conservative; Permissive; Social construction